

# Jalan Persekutuan 1 ditutup

IPOH 2 Sept. – Jalan Persekutuan 1 di Bukit Berapit akan ditutup kepada lalu lintas mulai pukul 10 pagi esok.

Jalan tersebut akan ditutup selama dua tahun bagi membolehkan kerja-kerja pembinaan Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar dijalankan oleh pihak kontraktor

MMC-Gamuda Joint Venture.

“Pegguna-pengguna jalan raya dinasihatkan menggunakan jalan lencungan yang disediakan,” kata satu kenyataan di sini hari ini.

Untuk sebarang pertanyaan, aduan atau cadangan, orang ramai boleh menghubungi MMC-Gamuda Joint Venture di talian 24 jam 1-300-80-1999.

---